



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## **SOALAN LAZIM (FAQ):**

# **PEMBERIAN REBAT RM5 BAGI PEMBAHARUAN LESEN MEMANDU MALAYSIA DIGITAL (e-LMM)**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan pemberian Rebat e-LMM?	Pemberian Rebat e-LMM sebanyak RM5 akan diberikan kepada pemohon yang membuat permohonan/pembaharuan LMM Digital tanpa cetakan fizikal (e-LMM) bermula 1 Februari 2024 sehingga 31 Disember 2024.
2.	Siapakah yang layak menerima Rebat e-LMM?	Semua pemegang LMM bagi kategori Warganegara Malaysia sahaja yang memilih permohonan/pembaharuan LMM Digital tanpa cetakan fizikal (e-LMM).
3.	Apakah jenis urus niaga lesen memandu yang layak menikmati Rebat e-LMM?	<p>Jenis urus niaga lesen memandu yang layak menerima Rebat e-LMM adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Permohonan Lesen Memandu Percubaan (PDL);</li> <li>ii. Permohonan Lesen Memandu Kompeten (CDL); dan</li> <li>iii. Pembaharuan Lesen Memandu Kompeten (CDL),</li> </ul> <p>iaitu bagi pemohon yang memilih untuk membuat permohonan/pembaharuan LMM Digital tanpa cetakan fizikal sahaja.</p>
4.	Berapa kali saya boleh menikmati pemberian Rebat e-LMM ini?	Pemohon hanya boleh menikmati pemberian Rebat e-LMM ini sekali sahaja sepanjang tempoh interim dilaksanakan.
5.	Sekiranya saya membuat permohonan/pembaharuan LMM dengan pilihan cetakan fizikal, adakah saya layak menerima pemberian Rebat?	Tidak layak. Pemberian Rebat ini hanya diberikan kepada pemohon yang memilih permohonan/pembaharuan LMM Digital tanpa cetakan fizikal sahaja.
6.	Saya telah membuat pembaharuan LMM dan memilih untuk mod paparan e-LMM secara	Boleh. Namun, bayaran fi salinan sebanyak RM20 akan dikenakan untuk mendapatkan fizikal Slip Pembaharuan LMM tersebut.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	digital serta menikmati rebat RM5. Bolehkah saya membuat pengambilan fizikal Slip Pembaharuan LMM tersebut?	
7.	Adakah pemberian Rebat e-LMM ini terpakai bagi urus niaga permohonan/pembaharuan Lesen Vokasional?	Tidak.
8.	Sekiranya saya membuat permohonan/pembaharuan Lesen Memandu Kompeten (CDL) pada 20 Januari 2024, kemudian saya membuat urus niaga pembaharuan sekali lagi pada 1 Disember 2024, adakah saya layak menerima Rebat RM5 dengan memilih e-LMM (tanpa cetakan fizikal)?	Layak. Pemberian Rebat e-LMM adalah mulai 1 Februari 2024.
9.	Sekiranya saya membuat permohonan/pembaharuan Lesen Memandu Kompeten (CDL) Digital (e-LMM) pada 15 April 2024, kemudian saya membuat urus niaga pembaharuan sekali lagi pada 26 Disember 2024, adakah saya layak menerima Rebat RM5 dengan memilih e-LMM (tanpa cetakan fizikal)?	Tidak layak. Pemberian Rebat e-LMM hanya akan diberikan sekali sahaja sepanjang tempoh interim dilaksanakan.
10.	Saya membuat permohonan/pembaharuan Lesen Memandu Kompeten (CDL) dengan cetakan fizikal LMM (Kad/Slip) pada 10 Mac	Layak.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	2024, kemudian saya membuat urus niaga pembaharuan sekali lagi pada 7 September 2024 dengan memilih e-LMM (tanpa cetakan fizikal). Adakah saya layak menerima Rebat e-LMM RM5?	